

# **PERIBADI POLITIK TUN HUSSEIN DAN DASAR LUAR MALAYSIA, 1976-1981**

---

**Faridah Binti Jaafar**

## **Pengenalan**

Tun Hussein Onn, yang memimpin dari tahun 1976-1981, tidak menunjukkan sebarang perubahan yang drastik di dalam dasar luar Malaysia. Hal ini bersesuaian dengan keperibadian beliau yang tidak mempunyai ciri-ciri yang radikal. Beliau lebih banyak mengekal dan meneruskan dasar yang telah diasaskan oleh pemimpin sebelumnya. Apa yang dapat disimpulkan, dasar luar Malaysia dari tahun 1976-1981 telah menunjukkan era pengukuhan. Dasar luar Malaysia dalam fasa ini juga bersifat tidak memihak. Hal ini bertepatan dengan lingkungan global ketika itu yang sedang bergerak ke arah pengenduran hubungan tegang di antara negara-negara yang sedang berkonflik. Artikel bertujuan melihat pengaruh peribadi Tun Hussein Onn di dalam dasar luar Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh beliau di dalam dasar luar Malaysia dari tahun 1976-1981.

## Tun Hussein Onn dan Pengukuhan Dasar Luar Malaysia

Tun Hussein Onn merupakan seorang tokoh yang sederhana dan merendah diri. Hal ini tercermin melalui ucapan beliau di Dewan Negara ketika merakamkan ucapan takziah di atas kembalinya Tun Abdul Razak ke Rahmatullah pada 14 Januari 1976. *"Ada ramai yang lain yang lebih berpengetahuan dan lebih berpengalaman tetapi ianya datang kepada saya. Saya menerima cabaran ini. Bersama-sama dengan rakan sejawat saya di dalam kabinet dan bersama-sama pemimpin yang lain kami berjuang untuk membangunkan satu negara di atas nama yang kuat yang telah diletakkan oleh orang-orang yang terdahulu dari kita. Untuk itu kita memerlukan kerjasama dari semua."*<sup>1</sup>

Pemergian Tun Abdul Razak secara mengejut menjadikan beliau tidak menyangka akan diamanahkan memegang teraju pemerintahan negara dengan begitu cepat. Tambahan pula perjalanan karier politik beliau sebelum ini agak lancar kerana banyak diatur oleh bapanya Dato' Onn dan sahabat yang juga merupakan berasnya iaitu Tun Abdul Razak.<sup>2</sup>

### Latar Belakang dan Keperibadian

Tun Hussein Onn lahir di Johor Bahru pada 12 Februari 1922. Beliau merupakan anak sulong kepada Dato' Onn Bin Dato' Jaafar dan Datin Halimah Hussein yang mempunyai lapan orang anak, iaitu empat lelaki dan empat perempuan.<sup>3</sup> Tun Hussein Onn lahir daripada keluarga berlatarbelakangkan politik kerana ayah, datuk dan bapa saudaranya pernah menjadi Menteri Besar Johor.<sup>4</sup> Secara tidak langsung darah kepemimpinan keluarganya turut mengalir di dalam diri beliau.

Pendidikan awal di English College Johor Bahru dan beliau di antara anak Melayu terawal berjaya masuk ketahap menengah di English College.<sup>5</sup> Dizaman persekolahan beliau dikenali sebagai seorang yang sederhana, suka menyimpan rahsia dan lebih banyak tersenyum. Setelah menamatkan pendidikan menengah pada tahun 1940, beliau menyertai angkatan tentera Johor sebagai kadet tentera dalam pasukan Timbalan Setia Negeri Johor. Beliau dihantar ke India pada tahun 1941 bagi mengikuti latihan di akademi ketenteraan yang paling terkenal di Dehra Dun India dan ditauliahkan pada tahun 1942.<sup>6</sup> Pada tahun 1948 ketika berlaku kemelut politik di Tanah Melayu Tun Hussein Onn berangkat ke England bagi melanjutkan pelajarannya dalam bidang Undang-undang di Lincoln's Inn. Beliau lulus sebagai seorang peguam pada tahun 1958.

Setelah ditauliah Tun Hussein Onn berkhidmat dengan Rejimen ke-19 Hyderabad dan telah bertugas di Mesir, Syria, Palestin, Iran, Iraq dan India.<sup>7</sup> Ketika di New Delhi, beliau berkhidmat di bahagian Perisik Markas Tentera British sebelum dipindahkan ke Bahagian Hal Ehwal Sivil yang bertugas membuat persiapan pendudukan semula tentera British. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Pelatih di Pusat Rekrut dan Latihan Polis Malaya di Rawalpindi India dan diamanahkan oleh pihak British membentuk satu pasukan polis bagi mengekalkan keamanan dan menegakkan undang-undang apabila mereka kembali ke Tanah Melayu.<sup>8</sup> Pada tahun 1945 beliau dipilih menyertai angkatan penyerang British berpangkat Kapten.

Tun Hussein Onn pulang ke Tanah Melayu pada 1945 dan menjadi Komanden di Depot Polis Johor Bahru. Setelah enam bulan berkhidmat dengan tentera beliau memasuki Perkhidmatan Pentadbiran Melayu(Malay Administrative Service) sebagai Penolong Pegawai Pentadbir di daerah Segamat dan kemudiannya menjadi Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kuala Selangor dan Kelang.<sup>9</sup> Pada tahun 1948 ketika berlaku Darurat beliau telah membentuk pasukan pengawal kampung dan melatih 10,000 orang pengawal. Ketika ini beliau telah menyaksikan banyak peristiwa pahit termasuk serangan ke atas Balai Polis Bukit Kepong di Muar yang mengorbankan banyak nyawa anggota polis.<sup>10</sup> Setelah lulus sebagai seorang peguam pada tahun 1958 beliau kembali ke tanahair dan bekerja di sebuah syarikat perundangan terkemuka di Kuala Lumpur selama lima tahun.<sup>11</sup>

Penglibatan dalam arena politik bermula setelah beliau meletak jawatan sebagai Pegawai Daerah bagi membantu bapanya menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan negara melalui UMNO. Beliau turut membantu bapanya menubuhkan UMNO.<sup>12</sup> Jawatan pertama di dalam UMNO ialah sebagai Ketua Pemuda. Pada tahun 1950, beliau dilantik Setiausaha Agung UMNO yang ketiga. Beliau turut dilantik sebagai Anggota Majlis Undangan Negeri Johor dan Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>13</sup> Pada tahun 1951, Tun Hussein Onn melepaskan jawatan Setiausaha Agung UMNO untuk memberi sokongan kepada bapanya menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya(IMP).<sup>14</sup>

Tun Hussein Onn kembali merujuk kepada UMNO pada tahun 1968 setelah dipujuk Tun Abdul Razak. Pada Jun 1969, beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif UMNO pasca Peristiwa 13 Mei. Beliau memenangi pilihanraya umum 1969 dan menjadi wakil parlimen Johor Bahru Timur. Tokoh ini menyertai kabinet pertama Tun Abdul Razak pada 23 September 1970, sebagai Menteri Pelajaran.<sup>15</sup>

Penglibatan dalam politik menunjukkan peningkatan setelah dilantik menjadi salah seorang Naib Presiden UMNO. Bintangnya sekali lagi bersinar apabila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 13 Ogos 1973, disamping memegang portfolio Menteri Perdagangan dan Perindustrian.<sup>16</sup> Pada tahun 1972 beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO menggantikan Tun Dr. Ismail.<sup>17</sup> Pada 5 September 1974, Tun Hussein Onn menjadi Menteri Kewangan merangkap Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam.<sup>18</sup> Pada 1975, Tun Hussein Onn dipertanggungjawabkan sebagai Pemangku Perdana Menteri ketika Tun Abdul Razak menjalani rawatan di London dan meninggal disana pada 14 Januari 1976.

Tun Hussein Onn dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Ketiga pada 15 Januari 1976, dan menjawat jawatan tersebut sehingga 1981 disamping memegang portfolio Menteri Pertahanan Malaysia.<sup>19</sup> Manakala di dalam UMNO Tun Hussein Onn memangku jawatan Presiden sehingga 15 September 1978 dan menjadi Presiden setelah pemilihan dibuat.<sup>20</sup> Menyedari komitmennya yang agak merosot kerana masalah kesihatan beliau meletak jawatan Perdana Menteri pada 17 Julai 1981.<sup>21</sup>

### Keperibadian Tun Hussein Onn

Dalam mencerna keperibadian Tun Hussein Onn dampak dari gagasan, ucapan dan tindakan beliau, ada beberapa faktor yang mempengaruhi keperibadiannya sebagai pemimpin. Tokoh ini lahir daripada sebuah keluarga yang berlatarbelakangkan politik, pendidikan ketenteraan, kerjayanya sebagai pegawai tentera, peguam, dan pengalaman peribadi mengharungi darurat di Tanah Melayu adalah beberapa faktor yang mempengaruhi keperibadian beliau.

Tun Hussein Onn yang lahir dan membesar dalam lingkungan politik turut terbias dengan kemahiran berpolitik Dato' Onn. Ini kerana karisma bapanya sebagai pemimpin yang unggul turut mempengaruhi tokoh ini. Tokoh ini berkongsi perspektif dan cita-cita politik yang sama dengan bapanya begitu juga gaya kepimpinannya ketika memimpin negara. Apa yang diperjuangkan oleh Dato' Onn menjadi teras kepada perjuangan Tun Hussein Onn. Keduanya berpegang dengan falsafah 'Hidup Melayu'. Ketika memimpin Pemuda UMNO beliau lebih banyak mendukung perjuangan bapanya di dalam UMNO persis seorang anak mendukung cita-cita politik seorang bapa.<sup>22</sup>

Karier politik beliau turut dibayangi ketokohan bapanya sebagai pengasas kepada pertubuhan UMNO. Sama seperti Dato' Onn beliau merupakan seorang yang liberal, mementingkan perpaduan kaum dan tegas di dalam membuat keputusan. Tiada unsur-unsur radikal di

dalam keperibadian Tun Hussein Onn kerana beliau telah dididik sebagai anak yang taat dan patuh kepada orang tuanya. Ketegasan Dato' Onn dalam mendidik Tun Hussein Onn secara tidak langsung telah menyemai benih-benih disiplin yang begitu tinggi dalam jiwa tokoh ini.

Sebagai mantan pegawai tentera Tun Hussein Onn terdidik dengan kehidupan yang penuh berdisiplin, berani, taat kepada negara dan senantiasa berusaha memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. *"Kerja Saya Dengan Kerja Anda Ialah Berkhidmat Untuk Negara."* Kata-kata yang tertera didinding pejabatnya selayang pandang memberikan gambaran keperibadian Tun Hussein Onn.<sup>23</sup> Tokoh ini secara peribadi mengakui latihan ketenteraan banyak mempengaruhi kehidupannya, malah dijadikan panduan dan ilham ketika mentadbir negara.

Apa yang telah diajarkan kepada saya di Akademi Dehra Dun, India, telah memberi kesan yang kekal kepada saya. Ia selalunya menjadi satu panduan dan ilham dalam kehidupan saya sekarang. Tambahnya lagi: Ia bukan hanya mengajar saya sains tentera tetapi apa yang lebih mustahak, ia telah mengajar saya kemahiran dan kualiti kepimpinan, taat setia kepada negara seseorang dan tanggungjawab untuk kebijakan dan kebahagiaan terhadap orang-orang yang telah memberikan kepercayaannya kepada anda.<sup>24</sup>

Ungkapan ini secara tidak secara langsung membenarkan bahawa keperibadian beliau banyak dipengaruhi kerjayanya sebagai pegawai tentera.

Keperibadian Tun Hussein Onn turut dipengaruhi kerjayanya sebagai peguam. Beliau merupakan individu yang terlalu berhati-hati dan tegas di dalam membuat sebarang keputusan.<sup>25</sup> Mengulas mengenai tabiatnya ini beliau berkata: *"Bagaimana tidak perlu kita berhati-hati? Satu kesalahan dalam pengadilan kadangkala akan mengakibatkan sengsara atau kesedihan pada orang ramai."*<sup>26</sup> Beliau menganggap keputusan yang diambil sebagai keputusan di dalam pengadilan yang impaknya akan diterima oleh masyarakat awam.

Tun Hussein Onn merupakan pemimpin yang jujur, berani dan begitu menjunjung tinggi prinsip perundangan dan inilah yang mendorong beliau menentang gejala rasuah dikalangan pemimpin era pemerintahan beliau.<sup>27</sup> *"Saya fikir Y.B. Datuk Hussein Onn adalah seorang daripada orang yang paling jujur yang pernah ditemui. Beliau seorang yang cukup berpendidikan, dilatih dalam pasukan tentera dan dalam ilmu Undang-undang. Ini membuatkan beliau sangat berdisiplin dan termasyur dengan*

*kejujurannya.*" Inilah pandangan James Ongkili mengenai keperibadian Tun Hussein Onn dari dekat.<sup>28</sup>

Pengalaman menyaksikan darurat dan peristiwa yang berlaku di Bukit Kepong Muar Johor menjadikan tokoh ini begitu menitikberatkan perpaduan kaum dalam agenda pemerintahannya. Secara kebetulan atau tidak agenda perpaduan ini dikatakan sebagai pengaruh dari bapanya yang suatu ketika dahulu mengadakan percubaan untuk menyatukan semua bangsa di Tanah Melayu melalui UMNO.<sup>29</sup>

### **Pengaruh Peribadi Tun Hussein Onn Dalam Dasar Luar Malaysia 1976-1981**

Pengaruh peribadi Tun Hussein Onn dalam dasar luar Malaysia tidaklah sehebat Tunku, Tun Abdul Razak mahupun Tun Dr. Mahathir. Walaupun wujud ciri-ciri keperibadian Tun Hussein Onn di dalam penentuan dasar luar Malaysia dari tahun 1976-1981, namun penglibatan di dalam proses penentuan dasar luar tidaklah sekérap tokoh-tokoh di atas. Hal ini bersesuaian dengan keperibadian Tun Hussein Onn sebagai pemimpin yang tidak mempunyai ciri-ciri yang radikal. Beliau tidak menunjukkan perubahan yang drastik baik di dalam objektif, gaya, mahupun tindakan dasar luar Malaysia. Kerjayanya sebagai pegawai tentera menjadikan beliau individu yang lebih senang meneruskan tugas-tugas rutin dasar luar yang sedia ada dan tidak memberikan dampak yang besar ke atas dasar luar Malaysia sebagaimana yang dilakukan tiga Perdana Menteri yang lain. Perubahan yang ada agak sedikit dari sudut strategi, iaitu usaha menjalin hubungan dengan negara-negara di Indochina. Itupun tidak terlepas dari objektif dasar luar era Tun Abdul Razak bagi menjayakan ZOPFAN.

Keperibadian Tun Hussein Onn yang mementingkan kestabilan politik dalam negeri telah mendorong beliau di dalam dasar luar Malaysia meluaskan konsep kestabilan politik di peringkat serantau. Tun Hussein Onn begitu mementingkan nilai-nilai kerjasama serantau. Sebagaimana dalam era Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn turut mengangkat ASEAN sebagai wahana yang paling penting bagi mengukuhkan kerjasama serantau. Beliau berusaha mengukuhkan kerjasama serantau melalui kunjungannya ke negara-negara ASEAN. Bagi Tun Hussein Onn kerjasama di dalam kerangka ASEAN akan membabitkan benih kestabilan politik diperingkat serantau yang akhirnya akan memunculkan kestabilan politik dalam negara masing-masing.

Sebagai seorang pegawai tentera ditambah pengalaman menyaksikan darurat menjadikan Tun Hussein Onn begitu menitikberatkan aspek pertahanan. Bagi menjamin eksistensi kemerdekaan negara dan menjaga integriti wilayah beliau berpegang teguh kepada prinsip berkecuali. Sebagai inividu yang menjunjung tinggi prinsip keamanan dan keselamatan tokoh ini melihat konsep berkecuali begitu relevan bagi menjamin kestabilan negara. Untuk itu beliau menjalankan hubungan bilateral maupun multilateral dengan semua negara di Asia Tenggara.<sup>30</sup>

Melalui dasar berbaik dengan semua negara beliau merintis hubungan persahabatan dengan negara-negara di Indochina khususnya Republik Demokrasi Vietnam(SRV) yang bertujuan meredam potensi konflik di belahan negara tersebut. Beliau turut meneruskan konsep ZOPFAN dan mempertahankan Deklarasi Kuala Lumpur.<sup>31</sup> Sebagai pegawai tentera Tun Hussein Onn juga merupakan individu yang begitu konsisten dengan sesuatu prinsip. Konsistensi beliau terhadap dasar berkecuali dan berbaik dengan semua negara jelas tercermin di dalam usahanya menyampaikan aspirasi nasional negara di arena antarabangsa dari tahun 1976-1981.<sup>32</sup>

Pengalaman peribadi menyaksikan darurat menjadikan tokoh ini begitu mementingkan keamanan serantau agar pihak komunis tidak berpeluang melebarkan pengaruhnya. Ini kerana masalah komunis senantiasa menjadi duri di dalam daging terhadap usaha beliau merealisasikan kestabilan dan keamanan negara. Beliau tidak pernah berkompromi di dalam memerangi komunis. Permasalahan komunis menjadi faktor pemangkin keputusan Tun Hussein Onn mewujudkan kerjasama pertahanan dengan Thailand. Program keselamatan dan keamanan negara merupakan agenda penting yang sering mengisi hubungan Malaysia dengan beberapa buah negara seperti SRV, China dan Thailand.<sup>33</sup>

Tun Hussein Onn di dalam dasar luarnya turut dipengaruhi oleh keperibadiannya sebagai seorang peguam. Sikap seorang peguam yang terlalu berhati-hati jelas kelihatan sekiranya aspek hubungan diplomatik dengan China diamati. Tokoh ini mengambil pendekatan berhati-hati kerana bimbang pengaruh komunis dari negara tersebut. Sikap berhati-hati ini tercermin melalui tindakannya yang tidak melonggarkan lawatan sosial ke Tanah Besar China.<sup>34</sup>

Selain daripada pengaruh keperibadian Tun Hussein Onn sebagai mantan pegawai tentera dan profesinya sebagai seorang peguam, situasi dan kondisi politik antarabangsa khususnya di Indochina, turut mempengaruhi Tun Hussein Onn memberi penekanan yang tinggi terhadap aspek pertahanan.<sup>35</sup> Sungguhpun wujud unsur-unsur pengaruh keperibadian Tun Hussein Onn di dalam proses pengambilan

keputusan dasar luar Malaysia namun ia tidak ketara sebagaimana dizaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman, era pemerintahan Tun Abdul Razak dan periode Tun Dr. Mahathir yang begitu mendominasi proses penentuan dasar luar Malaysia ketika mereka memegang teraju kepimpinan negara.

### Pengukuhan Dasar Luar Dasar Luar Era Tun Hussein Onn 1976-1981

Dasar luar Malaysia era Tun Hussein Onn tidak menunjukkan sebarang perubahan drastik bersesuaian dengan keperibadiannya yang tidak mempunyai ciri-ciri yang radikal. Selain meneruskan tugas-tugas rutin dasar luar, tokoh ini tidak memberi kesan yang besar ke atas dasar luar Malaysia. Apa yang jelas dasar luar Malaysia era beliau merupakan kesinambungan dan pengukuhan dari dasar luar yang telah dimulakan oleh pemimpin sebelumnya. Malah ketika membuat ucapan dasar selepas menggantikan Tun Abdul Razak beliau pernah berikrar akan meneruskan dasar-dasar pemimpin-pemimpin yang terdahulu.<sup>36</sup>

Setelah kematian Tun Abdul Razak tugas mengukuh dan merangsang gaya dasar luar Malaysia terpikul sepenuhnya dibahu Tun Hussein Onn. Sebagai mantan pegawai tentera beliau begitu mementingkan aspek pertahanan dan keselamatan negara. Sebagaimana Tun Abdul Razak, beliau turut menjadikan dasar berkecuali dan berpendirian sama jarak sebagai objektif dasar luar Malaysia.<sup>37</sup> Objektif ini memberi justifikasi Malaysia di dalam menjalankan dasar luarnya akan bekerjasama dengan semua negara tanpa mengira fahaman politik atau sistem sosial.<sup>38</sup> Bagi melihat pengukuhan dasar luar era Tun Hussein Onn penulis akan mengupas melalui tiga aspek utama dasar luar Malaysia iaitu: Aspek politik, ekonomi dan pertahanan.

#### Aspek Politik

Orientasi dasar luar Malaysia dalam aspek politik ke arah kerjasama regional-antarabangsa. Hal ini ketara dalam period dua tahun pertama pemerintahan Tun Hussein Onn. Keperibadian Tun Hussein Onn yang mementingkan kestabilan politik di peringkat serantau telah mendorong beliau memberi penekanan yang tinggi terhadap hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau khususnya di kalangan negara anggota ASEAN. Organisasi ini muncul sebagai wahana paling penting di dalam aspek dasar luar Malaysia. Sebagai mantan pegawai tentera yang begitu mementingkan aspek pertahanan negara, beliau

telah menjadikan kombinasi tujuan pertahanan dan ekonomi sebagai tema yang paling berpengaruh dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara luar.

Tun Hussein Onn terkenal dengan keperibadiannya yang tidak mempunyai ciri-ciri yang radikal. Justeru tidak ada perubahan besar yang dilakukan di dalam aspek dasar luar ini selain menerus dan mengukuhkan hubungan kerjasama yang pernah dirintis Tun Abdul Razak, antaranya hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China. Kalaupun ada hubungan baru ialah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis Indochina. Hal di atas menunjukkan Tun Hussein Onn masih meneruskan dasar luar Tun Abdul Razak yang menjalinkan kerjasama dengan semua negara tanpa mengira ideologi. Ketekalan Tun Hussein Onn terhadap dasar berkecuali dan berbaik dengan semua jelas melalui ucapannya di Mesyuarat UMNO pada tahun 1977 di Kuala Lumpur: "*Di dalam perlaksanaan dasar berkecuali dan dasar bebas luar negeri kita, kita sentiasa menghulurkan tangan persahabatan kepada semua negara yang berhasrat hendak bersahabat dengan kita, tidak kira sistem kerajaan atau ideologi politik mereka, kecuali bawanya mereka bersedia mengakui kemerdekaan dan kedaulatan kita dan tidak melibatkan diri mereka di dalam hal ehwal negeri kita.*"<sup>39</sup>

Malaysia turut meneruskan hubungan dengan beberapa pertubuhan seperti ASEAN, Komanwel, PBB, NAM dan OIC. Kelihatannya hubungan yang terjadi di era Tun Hussein Onn tidaklah memunculkan gelombang yang besar selain memperkuatkan hubungan sedia ada yang telah dirintis Tun Abdul Razak.<sup>40</sup> Hal ini bersesuaian dengan keperibadiannya yang lebih gemar meneruskan tugas-tugas rutin yang sedia ada dari melakukan perubahan di dalam dasar luar era beliau. Sebagaimana Tun Abdul Razak, tokoh ini turut menekankan hubungan dengan negara-negara serantau khususnya melalui ASEAN. Dalam era Tun Hussein Onn tanggungjawab dan tindakan kolektif di kalangan negara-negara ASEAN telah mencapai suatu tahap yang tinggi yang belum pernah dicapai dizaman dan era sebelumnya.<sup>41</sup>

Tun Hussein Onn masih meneruskan hubungan dengan Barat melalui keanggotaan negara di dalam Komanwel. Pada dasarnya Malaysia memanfaatkan pertubuhan ini sebagai gelanggang bagi menyuarakan aspirasi negara membangun mengenai masalah sosio-ekonomi dan politik. Tun Hussein Onn menyifatkan Komanwel sebagai jambatan yang menghubungkan negara-negara membangun dengan negara-negara maju di dalam satu forum kerjasama.<sup>42</sup> Sebagaimana pendekatan kedua Perdana Menteri Malaysia yang lalu, Malaysia masih meneruskan hubungan yang harmoni dengan PBB. Pertubuhan tersebut berfungsi sebagai pentas bagi negara

mensuarakan aspirasi nasional di peringkat antarabangsa bagi mencari perdamaian dan pembangunan manusia sejagat.<sup>43</sup>

Negara turut meneruskan keanggotaannya di dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali(NAM). Pada 15 hingga 20 Mei 1978 Malaysia menghadiri Mesyuarat Menteri bagi Biro Kerjasama yang telah diadakan di Havana. Manakala pada 20-30 Julai 1978 Malaysia berpartisipasi di dalam Mesyuarat Menteri Luar NAM di Belgrade.<sup>44</sup> Perhatian turut diberikan terhadap diplomasi Islam, sekaligus memacu Malaysia mengambil pendekatan proaktif dalam hubungannya dengan negara-negara Islam(OIC).<sup>45</sup> Selain dari menerima kunjungan hormat tetamu dari negara Islam Tun Hussein Onn mengambil inisiatif mengadakan kunjungan hormat ke negara-negara Islam seperti Pakistan pada 26 Januari 1979.

### Aspek Ekonomi

Sebagaimana dalam aspek politik, dalam aspek ekonomi juga tidak ada sebarang perubahan besar yang berlaku selain menerus dan mengukuhkan objektif dasar luar ekonomi era Tun Abdul Razak. Antara lain, dasar menjayakan pembangunan ekonomi dan menstabilkan harga komoditi utama dan mengamalkan gaya nasionalisme ekonomi dengan mengawal sumber-sumber asli negara yang penting.<sup>46</sup> Orientasi negara juga ke arah mendekatkan diri dengan Negara-negara Dunia Ketiga atau Negara Selatan-selatan.

Hal ini tercermin dari tindakan Malaysia yang menyokong Pertumbuhan Permintaan negara Selatan-selatan bagi mewujudkan Orde Baru Ekonomi Antarabangsa(NIEO) yang merupakan satu versi pembaharuan "Orde Baru Ekonomi Dunia". Malaysia juga turut menyokong program integrasi UNCTAD(Persidangan bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pembangunan dan Perdagangan).<sup>47</sup> Pembentukan NIEO pada asalnya merupakan usul yang dicetuskan oleh Negara-negara Sedang Membangun di Sesi Khas Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada April 1974. Melalui persidangan ini satu program tindakan dan deklarasi NIEO telah dibuat yang memberi perhatian khusus terhadap isu komoditi utama yang merupakan faktor berpengaruh terhadap perubahan sistem perdangan antarabangsa.<sup>48</sup>

Lanjutan dari Deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu berhubung isu NIEO pada Mei 1976, di Persidangan PBB mengenai Perdagangan dan Pembangunan(UNCTAD IV) telah menetapkan satu program keseluruhan yang bersifat komprehensif iaitu Program Integrasi Bagi Komoditi(IPC). Objektif IPC ialah membentuk dan memelihara harga-harga komoditi pada tahap dimana syarat-syarat sebenar adalah

seimbang dan menguntungkan samaada kepada pengguna atau pengeluar dengan mengambil kira kondisi inflasi dunia.<sup>49</sup>

Sebagai seorang yang mementingkan kerjasama ekonomi serantau Tun Hussein Onn di dalam aspek dasar luar ekonomi turut mengkonsentrasi kerjasama ekonomi di dalam kerangka ASEAN.<sup>50</sup> Bagi menjayakan strategi meningkatkan kerjasama ekonomi ASEAN, Malaysia menyatakan sokongan terhadap pelbagai inisiatif program ekonomi ASEAN dan jawatankuasa *ad hoc*. Era Tun Hussein Onn kerjasama ekonomi ASEAN memasuki period kedua dan telah menampakkan bentuk yang lebih nyata. Usaha dilakukan dengan mewujudkan penserasian pembangunan regional di dalam kerangka ASEAN.

Deklarasi Kesepakatan ASEAN telah menetapkan wahana baru iaitu pertemuan tetap para Menteri Ekonomi ASEAN yang berfungsi merumus saranan, mengukuhkan kerjasama ekonomi ASEAN, mengadakan penilaian ke atas projek-projek ASEAN dan mengadakan pertukaran fikiran dan konsultasi mengenai dasar perencanaan pembangunan nasional sebagai langkah ke arah penserasian pembangunan regional.<sup>51</sup> Hal-hal di atas menunjukkan dasar luar ekonomi era Tun Hussein Onn begitu tekal di dalam mewujudkan hubungan kerjasama yang erat dengan negara-negara anggota ASEAN. Selain ASEAN, Komanwel juga merupakan jambatan yang bermanfaat menghubungkan negara-negara membangun dengan negara-negara maju dalam aspek ekonomi.<sup>52</sup>

Sebagaimana dasar luar era Tun Abdul Razak, tokoh ini turut memperjuangkan penstrukturkan semula sistem ekonomi antarabangsa. Hal ini tercermin di dalam ucapannya di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di London pada 10 Jun 1977, mengenai kedudukan dan prospek ekonomi dunia. Menurut beliau suatu keperluan yang mendesak agar diadakan pembaharuan struktur ekonomi dunia secara keseluruhan.<sup>53</sup> Usahanya ini selanjutnya diteruskan di dalam ucapan beliau di PBB Sesi 32 di New York pada 30 September 1977. Dimana antara intipati ucapan tersebut beliau meminta agar diadakan penstrukturkan semula sistem ekonomi antarabangsa yang jelas tidak adil dan saksama kepada keperluan semasa.<sup>54</sup>

Tun Hussein Onn turut merayu kepada negara-negara maju agar tampil dengan sikap yang lebih realistik dan mengadakan perjanjian yang lebih nyata sebagai jaminan pencapaian awal ke atas pertumbuhan ekonomi yang lebih kekal dan dianggap penting bagi kesejahteraan dan keselamatan dunia. Beliau turut menyokong program integrasi UNCTAD bagi barang dagangan.<sup>55</sup> Ia turut dikaitkan dengan

tanggungjawab terhadap Orde Baru Ekonomi Antarabangsa oleh Menteri Perindustrian Utama:

In its efforts to seek solution to these problems Malaysia believes in a multipronged approach ... we believe that the UNCTAD mechanism holds special promise for developing countries. As you are all aware, in the UNCTAD mechanism, developing countries have managed to achieve some measure of solidarity as the Group of 77, thereby obtaining leverage necessary to reconcile competing goals with the developed countries on a co-operative basis ... Now that we have a more balanced negotiating strength, it is possible to achieve result confrontation if developed countries are more co-ordinated in their response. We believe in this approach because no nation or economic grouping, I really mean no one, has anything to gain from the confrontation tactics that can so easily lead to a prolonging and worsening of the depressing atmosphere that afflicts the world economy today.<sup>56</sup>

### Aspek Pertahanan

Sebagai mantan pegawai tentera aspek pertahanan begitu menarik perhatian Tun Hussein Onn. Dalam aspek ini negara berpegang teguh dengan prinsip berkecuali bagi menjamin kemerdekaan dan menjaga keutuhan wilayah. Dasar berkecuali era Tun Abdul Razak mendapat tempat khusus malah Tun Hussein Onn turut melebarkannya di dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara besar. Sepanjang tempoh pemerintahan Tun Hussein Onn antara tahun 1976 sehingga tahun 1981 beliau begitu tekal meneruskan dasar berkecuali.<sup>57</sup> Usaha menjayakan konsep ZOPFAN dan mempromosi ketahanan nasional negara dan serantau merupakan dua strategi utama di dalam dasar luar pertahanan era Tun Hussein Onn.<sup>58</sup>

Berbanding dengan aspek politik dan ekonomi dalam aspek pertahanan ada beberapa langkah besar yang telah diambil Tun Hussein Onn. Antaranya mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara Indochina seperti Vietnam, Laos dan Kampuchea, menandatangani Deklarasi Kesepakatan ASEAN, mengadakan rundingan keselamatan dengan Thailand dan menjalinkan hubungan diplomatik dengan China.

Sebagai individu yang mementingkan aspek pertahanan Tun Hussein Onn telah mengiktiraf SRV pada tahun 1975. Pengiktirafan dibuat atas dasar berkecuali dan ingin menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi. Hubungan rasmi telah dijalankan pada awal 1976. Objektif jangka panjang hubungan tersebut agar

ZOPFAN dapat dilaksanakan. Malaysia juga berhasrat menjadi jambatan yang menghubungkan ASEAN dengan SRV.<sup>59</sup>

Bagaimanapun dalam era Tun Hussein Onn isu pelarian Vietnam merupakan isu yang menyumbang dampak kemerosotan hubungan Malaysia dan negara ASEAN yang lain dengan Vietnam.<sup>60</sup> Dikalangan negara ASEAN Malaysia dan Thailand merupakan negara paling kritikal berhadapan dengan isu pelarian Vietnam. Kehadiran pelarian tanpa izin ini memberi dampak ekonomi, politik, sosial dan keselamatan yang amat sukar kepada negara-negara yang menampung mereka.<sup>61</sup> Para pemimpin politik di Malaysia juga khuatir berlakunya penyerapan ideologi komunis yang akan mengundang konflik dikalangan negara-negara anggota ASEAN sekiranya tidak ditangani secara bijak.<sup>62</sup>

Pada awal tahun 1979, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah mengambil pendekatan diplomatik yang keras mengenai isu pelarian Vietnam. Hal ini tercermin daripada kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN pada akhir persidangan khas yang diadakan pada 12-13 Januari di Bangkok.<sup>63</sup> Lanjutan daripada itu, pada Jun 1979 negara-negara anggota ASEAN tanpa berselindung meragui peranan Vietnam dan motifnya yang terselubung di sebalik pengusiran rakyatnya yang tidak dikehendaki.<sup>64</sup> Menteri-menteri Luar ASEAN yang bersidang turut memutuskan Kerajaan Vietnam yang bertanggungjawab terhadap isu ini. Negara Vietnam sepatutnya mencari langkah yang lebih konkret di dalam menangani permasalahan tersebut.<sup>65</sup>

Dalam era Tun Hussein Onn, bersesuaian dengan latar belakang pegawai tentera tokoh ini telah menjadikan program keselamatan negara sebagai salah satu agenda paling penting yang mengisi hubungan bilateral Malaysia dengan Thailand. Ini kerana terdapat keperluan dalam dasar pertahanan Malaysia untuk bekerjasama dengan Thailand kerana kondisi politik yang agak merbahaya pasca kemenangan rejim komunis di Indochina.<sup>66</sup> Malaysia juga perlu bekerjasama dengan Thailand bagi membentras kegiatan komunis kerana pengkalan induk komunis terletak di negara tersebut.<sup>67</sup> Pengalaman Tun Hussein Onn mengharungi kondisi darurat di Tanah Melayu menjadikan beliau tidak pernah berkompromi dengan aktiviti komunis.

Dalam era Tun Hussein Onn, walaupun aktiviti pengganas komunis merupakan masalah serius namun kerjasama dari Thailand bagi memantau dan membentras kegiatan komunis di sempadan tidak begitu menggalakkan. Malah pada tahun 1976, tercetus salah faham mengenai fungsi angkatan tentera Malaysia yang bergerak ke sempadan Thailand dalam usaha memburu pengganas komunis.<sup>68</sup>

Setelah berlaku pertukaran kerajaan di Thailand pada Oktober 1976 kerjasama bagi memantau kegiatan komunis menunjukkan prospek yang agak cerah.

Pada bulan Mac 1977, satu perjanjian sempadan baru telah ditandatangani dan melalui perjanjian tersebut tentera Malaysia dibenarkan menyeberangi sempadan Thailand di dalam operasi memburu pengganas komunis.<sup>69</sup> Hubungan dengan Thailand dieratkan lagi dengan lawatan Tun Hussein Onn ke Chiengmai pada bulan Mei 1979. Antara agenda yang mengisi perbincangan di antara Tun Hussein Onn dan Tun Kriangsak ialah mengenai kondisi di sempadan Thailand-Malaysia dan usaha-usaha bersama bagi memantau kegiatan pengganas komunis di sana.<sup>70</sup>

Walaupun hubungan bilateral dengan China telah dijalinkan era Tun Abdul Razak namun ianya masih diperingkat awal. Hubungan kedua negara menjadi lebih kukuh di era Tun Hussein Onn. Terdapat beberapa alasan keselamatan di dalam penegakan hubungan diplomatik dengan China era Tun Hussein Onn: 1) Membolehkan China memahami senario politik di Asia Tenggara. 2) Menurunkan potensi ancaman dari China. 3) Meminta China menghentikan bantuan kepada Parti Komunis Malaya (PKM).

Bagaimanapun masih ada beberapa perkara yang belum selesai di dalam hubungan kedua negara. Antaranya, tiada jaminan dari China menghentikan bantuan moralnya kepada PKM.<sup>71</sup> Latar belakang seorang peguam telah mendorong beliau mengambil pendekatan yang berhati-hati di dalam menanggapi hubungan negara dengan China. Sikap berhati-hatinya ini tercermin melalui keputusan beliau untuk tidak melonggarkan lawatan sosial ke Tanah Besar China oleh masyarakat Cina di Malaysia.<sup>72</sup> Sikap berhati-hati di dalam menjalinkan hubungan dengan China turut dipengaruhi oleh kebimbangan negara terhadap pengaruh komunis dari negara tersebut.

Sebenarnya bukanlah tidak ada sebarang aspek positif yang dicetuskan di dalam hubungan diplomatik kedua negara dalam aspek pertahanan. Antaranya jaminan yang diberikan oleh Naib Perdana Menteri Republik Rakyat China iaitu Teng Hsio Peng untuk tidak mengiktiraf dwi nasionaliti rakyat negara China yang berhijrah ke negara-negara lain dan sekaligus meminta rakyat Cina di Malaysia taat kepada pemerintah negara ini.<sup>73</sup> Malaysia juga berpeluang menyatakan pendirian mengenai konflik di Indochina serta meminta China membantu melaksanakan konsep ZOPFAN dengan cara tidak campurtangan di dalam pertikaian di Indochina.<sup>74</sup> China juga telah menyatakan hasrat ingin menjalin persahabatan dengan ASEAN dan bersedia bekerjasama mewujudkan ZOPFAN di Asia Tenggara. Malah China turut memuji langkah yang dirintis Malaysia bagi

mempertahankan keamanan dan kestabilan serantau melalui ZOPFAN.<sup>75</sup>

Tun Hussein Onn juga terkenal dengan keperibadiannya yang mementingkan hubungan kerjasama dengan negara-negara luar. Untuk itu prinsip kerjasama dengan negara luar dijadikan asas utama dalam aspek pertahanan. Malaysia berusaha mengeratkan ketahanan serantau melalui ASEAN di dalam menangani segala permasalahan politik dan keselamatan di rantau Asia Tenggara.<sup>76</sup> Malaysia turut mengukuhkan hubungan dengan negara-negara tetangga di Asia Tenggara dengan mengadakan beberapa siri lawatan ke Indonesia, Thailand dan Singapura disamping mengadakan diskusi tidak rasmi dengan pemimpin di negara tersebut. ASEAN dalam era Tun Hussein Onn berfungsi sebagai wadah yang berjaya mengeratkan hubungan negara-negara di Asia Tenggara.

Beliau turut menggariskan prinsip keamanan bersama dengan menghormati hak dan kedaulatan wilayah, tidak agresif, tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri, faedah bersama dan keamanan bersama.<sup>77</sup> Bagi memenuhi objektif berkecuali, Tun Hussein Onn meneruskan usaha dasar luar Malaysia melalui konsep ZOPFAN. Di dalam menanggapi penglibatan negara-negara besar di rantau Asia Tenggara, Tun Hussein Onn sependapat dengan Tun Abdul Razak meminta Soviet Union dan China menyokong konsep ZOPFAN. Menurut beliau sokongan dari semua kuasa besar amat penting bagi menjamin konsep tersebut menjadi realiti khususnya di Asia Tenggara.<sup>78</sup>

Menurut Tun Hussein Onn semua kuasa-kuasa besar tidak harus melibatkan diri di dalam konflik yang tercetus di rantau Asia Tenggara. Sekiranya hal ini terlaksana negara-negara berkecuali akan muncul sebagai Kuasa Ketiga yang berfungsi menseimbangkan kepentingan kuasa-kuasa besar dengan Negara-negara Membangun.

Matlamat kita ialah untuk menjamin bahawa konsep berkecuali ini boleh menjadi suatu kebenaran yang diterima oleh kuasa-kuasa besar. Apa yang kita harapkan ialah untuk didapati dari perpaduan negara-negara yang tidak bersekutu ialah: untuk menjadi Kuasa Ketiga, menseimbangkan kepentingan-kepentingan kuasa-kuasa besar dengan negeri-negeri membangun yang sedang berjuang untuk menentang eksploitasi dan kekejaman. Perpaduan negara-negara yang tidak bersekutu mestilah betul-betul bebas dari pengaruh sebarang kuasa besar, atau dari dibuat sebagai alat oleh sebarang golongan yang mahu menyebarkan kepercayaan dan ideologinya. Malaysia memandang berat terhadap sebarang usaha untuk memusingkan kuasa negara-negara yang tidak bersekutu untuk menyokong

sebarang blok, kerana jika ini berlaku, kekuatan negara-negara bersekutu ini dengan tidak ragu-ragu akan merosot.<sup>79</sup>

Tun Hussein Onn telah mengambil inisiatif membuat rayuan kepada Soviet Union menggunakan pengaruh negara tersebut mencari penyelesaian di Indochina.<sup>80</sup>

Pada tanggal 23-25 Februari 1976, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah mengadakan Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN di Bali. Persidangan ini penting kerana berhasil menegaskan komitmen negara-negara ASEAN terhadap Deklarasi Bandung, Deklarasi Bangkok dan Deklarasi ZOPFAN, serta Piagam Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu. Melalui persidangan ini kesemua negara anggota ASEAN bertekad akan berusaha meningkatkan perdamaian, kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan negara-negara ASEAN melalui penstabilan iklim politik di rantau Asia Tenggara.<sup>81</sup>

Negara-negara ASEAN secara kolektif menunjukkan sikap bersatupadu di dalam dimensi politik dan keamanan. Melalui Perisytiharan Bali, negara-negara ASEAN mengukuhkan solidariti politik dengan menyuburkan pandangan yang searah, posisi yang selaras dan mengambil tindakan bersama selagi ianya positif. ASEAN juga harus menggagaskan langkah-langkah yang mengarah kepada pengakuan dan perlaksanaan konsep ZOPFAN yang telah dicetuskan di Kuala Lumpur pada tanggal 27 November 1971.<sup>82</sup>

Dalam era Tun Hussein Onn, ASEAN telah melalui transisi dari sudut tindakan yang lebih bersifat kolektif di dalam menangani sesuatu isu.<sup>83</sup> Aspek lain yang penting di dalam dimensi politik keamanan ASEAN ialah ancaman komunis dalam negara anggota. Kesemua negara anggota ASEAN merupakan negara yang anti komunis di dalam negeri namun tidak bermakna negara ASEAN anti di dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara komunis. Ancaman komunis dalam negeri disifatkan sebagai urusan dalam negara masing-masing. Negara-negara ASEAN secara individu berhadapan dengan ancaman komunis dengan cara dan taktik yang berbeza.<sup>84</sup>

Perkembangan politik antarabangsa khususnya situasi dan kondisi di Indochina menuntut Tun Hussein Onn memberi penekanan khusus dalam aspek pertahanan negara-negara bukan komunis di Asia Tenggara.<sup>85</sup> Tun Hussein Onn sesuai keperibadiannya sebagai pegawai tentera mengamati segala perkembangan politik di Indochina sebagai sesuatu yang membimbangkan. Penglibatan dua kuasa komunis Soviet Union dan China berkongradaksi dan akan menggugat konsep ZOPFAN.<sup>86</sup> Terdapat beberapa isu yang tercetus di era Tun Hussein Onn yang turut mempengaruhi reaksi Malaysia terhadap suasana

politik serantau yang kurang stabil setelah tamatnya perang Vietnam dan permulaan krisis di Indochina. Hal ini turut mempengaruhi penerusan dasar berkecuali Malaysia dalam aspek pertahanan: a) Konflik Vietnam dan China. b) Konflik Vietnam dan Kampuchea. c) Hubungan intim Vietnam dan Rusia. d) Intervensi Vietnam ke atas Kampuchea.<sup>87</sup>

### **Konflik antara Vietnam dan China**

Suasana tegang antara kedua negara ini muncul implikasi dari beberapa isu: pertama, konflik mengenai persempadanan kerana negara China telah menyerang dan menduduki beberapa kawasan di Vietnam.<sup>88</sup> Kedua, isu mengenai orang China di Vietnam dan isu yang ketiga pendirian yang berbeza di dalam menanggapi konflik antara Kampuchea dan Vietnam.<sup>89</sup> Kesemua isu ini dilihat sebagai duri di dalam daging dalam hubungan bilateral Vietnam dan China.

### **Konflik antara Vietnam dan Kampuchea**

Konflik antara Vietnam dan Kampuchea telah mengeruhkan lagi hubungan bilateral yang sudah sedia tegang antara Vietnam dan China berpunca dari tanggapan yang berbeza mengenai konflik tersebut. Beijing di satu pihak menyokong rejim Pol Pot manakala Vietnam di pihak yang lain telah menyokong kumpulan Heng Samrin. Sengketa antara Vietnam dan Kampuchea juga bertambah tajam impak dari pertikaian sokongan antara negara China dan Soviet. China di satu pihak mengkonsolidasikan sokongan terhadap Kampuchea sedangkan Moskow menyokong penuh usaha Vietnam.<sup>90</sup>

### **Hubungan yang intim antara Vietnam dan Rusia**

Hal ini difaktakan pada 29 Jun 1978 bilamana negara Vietnam telah menganggotai Majlis (Bersama) Bantuan Ekonomi(COMECON) iaitu sebuah blok ekonomi yang dikuasai oleh Rusia. Hubungan bilateral kedua negara dikembangkan lagi pada November 1978 melalui perjanjian persahabatan antara Hanoi dengan Moskow. China yang selama ini berkompetisi dengan Soviet melihat hubungan diplomatik yang sedang mekar antara kedua negara dengan rasa permusuhan yang amat mendongkol. Selanjutnya Vietnam telah mengadakan perjanjian dengan satu dimensi militari yang besar dan utama. Antara intipati perjanjian tersebut Rusia akan memberi bantuan kepada Hanoi jika terjadi pencerobohan yang sudah tentunya datang dari China.<sup>91</sup>

## Intervensi Vietnam ke atas Kampuchea

Pada bulan Disember 1978 pertentangan antara kedua negara Vietnam dan Kampuchea memasuki era paling getir apabila pasukan bersenjata Vietnam telah mengintervensi wilayah Kampuchea dan pada bulan yang berikutnya menjatuhkan Rejim Pol Pot. Sebuah kerajaan baru Heng Samrin yang pro Vietnam telah ditubuhkan. Beijing mengutuk keras tindakan Vietnam ini dan sebagai arus balik dari tindakan tersebut China telah menyerang Vietnam. Penyerangan ini mendapat penentangan yang keras dari Moskow.<sup>92</sup>

Malaysia menunjukkan sikap yang jelas di dalam menanggapi konflik di Indochina. Bersama dengan negara anggota ASEAN yang lain, Malaysia menerima usul PBB dimana semua tentera asing harus berundur dari negara-negara yang terlibat dalam konflik tersebut.<sup>93</sup> Usul ini relevan dengan prinsip untuk menolak apa sahaja bentuk campurtangan asing di dalam hal ehwal domestik sesebuah negara. Menurut perspektif Tun Hussein Onn rakyat Kampuchea berhak menentukan kerajaan sendiri tanpa dipengaruhi mana-mana kuasa.<sup>94</sup>

## Kesimpulan

Penguasaan Tun Hussein Onn di dalam dasar luar sedikit menurun dalam era beliau, namun pengaruh beliau ke atas dasar luar Malaysia tetap wujud. Berkurangnya pengaruh beliau ke atas dasar luar Malaysia kerana beliau lebih banyak meneruskan agenda dasar luar era Tun Abdul Razak yang belum selesai setelah kematian tokoh tersebut.

Berkurangnya penguasaan Tun Hussein ke atas dasar luar bererti kurangnya pengaruh peribadi beliau ke atas dasar luar Malaysia era beliau. Faktor lain yang menyebabkan kurangnya pengaruh Tun Hussein Onn ke atas dasar luar juga berlaku kerana kemunculan Tan Sri Ghazali Shafie yang berpengalaman luas dalam hal dasar luar Malaysia. Marvin Ott pernah mensifatkan Tan Sri Ghazali Shafie sebagai 'arkitek' dasar luar Malaysia yang paling unggul selepas Tun Abdul Rahman.<sup>95</sup> Dalam era Tun Hussein Onn dasar luar Malaysia tidak menunjukkan sebarang perubahan yang boleh disifatkan sebagai drastik di dalam dasar luar Malaysia melainkan penerusan dasar luar era Tun Abdul Razak. Hal ini bertepatan dengan keperibadiannya yang tidak agresif dan terlalu berhati-hati di dalam menjalankan dasar luar Malaysia. Dasar berkecuali dan berbaik dengan semua negara tetangga melalui ASEAN merupakan contoh penerusan dasar luar era Tun Abdul Razak.

Dari tahun 1976 sehingga 1981, Tun Hussein Onn telah berperanan menerus dan mengukuhkan dasar luar Malaysia era Tun Abdul Razak. Bagaimanapun beliau telah melakukan beberapa penyesuaian sebagai contoh usaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara di Indochina. Hal ini dilakukan bagi menjamin dasar luar Malaysia relevan dengan situasi dan kondisi antarabangsa yang sedang beliau hadapi. Boleh dikatakan tidak ada gelombang atau perubahan besar di dalam dasar luar era beliau. Usaha penerusan dan pengukuhan tercermin melalui penerusan dasar berkecuali dan perjuangan menjayakan ZOPFAN. Dalam aspek politik dan pertahanan penerusan dan pengukuhan berlaku terhadap usaha Tun Abdul Razak menjalinkan hubungan diplomatik dengan China.

Keperibadian Tun Hussein Onn yang tidak mempunyai ciri-ciri radikal telah menjadikan dasar luar Malaysia era beliau bergerak di atas jalur yang telah disediakan oleh Perdana Menteri sebelumnya. Penerusan dasar berkecuali, bekerja ke arah menjayakan ZOPFAN, penerusan dasar nasionalisme ekonomi, menjalinkan hubungan dengan negara-negara blok komunis adalah di antara beberapa dasar luar era Tun Abdul Razak yang mendapat tempat dalam era Tun Hussein Onn. Dalam era Tun Hussein Onn, beliau juga terpaksa berhadapan dengan kondisi politik yang kurang stabil di peringkat regional kesan pergolakan politik yang berlaku di Indochina.

Pergolakan yang berlaku di Indochina telah memberi tempias yang tersendiri kepada Malaysia dan negara anggota ASEAN yang lain. Salah satu permasalahan tersebut ialah kedatangan pendatang haram dari Vietnam ke negara-negara luar yang berhampiran. Malaysia di antara negara anggota ASEAN yang terpaksa berhempas pulas menghadapi kebanjiran pendatang haram dari Vietnam. Kesan daripada apa yang berlaku di Indochina secara tidak langsung telah menjadikan kerjasama di dalam organisasi regional seperti ASEAN lebih akrab bagi mencari penyelesaian terhadap masalah di Indochina. Di dalam negara, kondisi di atas telah mendorong Tun Hussein Onn mengukuhkan prinsip berkecuali dan menjayakan ketahanan nasional negara dan serantau.

**Nota**

- <sup>1</sup> AHO/U.163. Ucapan Y.A.B. Dato' Hussein Onn ketika melakukan usul merakamkan ucapan takziah di atas kembali Tun Abdul Razak Bin Datuk Hussein di Dewan Negara pada hari Rabu 21 Januari 1976 pada jam 2.30. Lihat juga Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, Times Books International, Kuala Lumpur, 1982. hlm. 53, 244-245.
- <sup>2</sup> Peranan Tun Abdul Razak ketika Tun Hussein Onn kembali merujukke dalam UMNO.
- <sup>3</sup> AHO/C.Biografi Tun Hussein Onn. Mustafa Bin Ali Mohamad, *Tun Hussein Onn*, Pelanduk Publication(M) Sdn. Bhd., Selangor, 1985, hlm. 1-2. Victor J. Morrais, *Hussein Onn A Tryst With Destiny*, Times Book International, Singapura, 1953, hlm. 9. Aminuddin Mohd. Yusof, Mohd. Ali Kamarudin, *Kepimpinan Pemuda UMNO Antara Personaliti dan Situasi*, hlm. 156. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke-43 pada 28 Ogos 2000 jam 8.00 malam.
- <sup>4</sup> Datuknya Dato' Jaafar bekas Menteri Besar Johor yang telah menyandang jawatan tersebut tidak kurang dari 46 tahun. Dato' Onn dan abangnya juga pernah menjawat jawatan tersebut. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 2. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV7 Sempena hari Kemerdekaan Malaysia ke-43 pada 28 Ogos 2000 jam 8.00 malam.
- <sup>5</sup> Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7 sempena hari kemerdekaan Malaysia ke-43 pada 28 Ogos 2000 jam 8.00 malam.
- <sup>6</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein. AHO/ H.4. Akademi Tentera, Dehra Dun, India, 1941-1942. AHO/ H.5. Hussein Onn Di Akademi Tentera, Dehra Dun, India, 1940-1942. Mustafa Bin Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, Pelanduk Publication, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 5. *Far Eastern Economic Review*, 3 September 1973. Victor J. Morrais, *Hussein Onn A Tryst With Destiny*, Times Book International, Singapore, 1981, hlm. 9. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>7</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 9.
- <sup>8</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena Kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000 di NTV 7. Mustafa B. Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, hlm.5.
- <sup>9</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. Mustafa B. Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, hlm. 6. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 10. *New Malaysians Who's Who: Part II*, West Malaysia, Kasuya Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1990. Vol. 1. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena Kemerdekaan Malaysia ke-43, 28 Ogos 2000, pada jam 8.00 malam.
- <sup>10</sup> Mustafa B. Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, hlm. 16-17. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena Kemerdekaan Malaysia, 28 Ogos

- 2000, pada jam 8.00 malam. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 16-17.
- <sup>11</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. Victor. J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 32. Mustafa B. Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, hlm. 15.
- <sup>12</sup> AHO/ C. Biografi Tun. Hussein Onn. Hassan Mohd. Noor, *Tun Hussein Onn Dalam Kenangan*, Utusan Malaysia(M) Sdn.Bhd., Zamri Aziz, "Dato' Hussein Onn- Selamat Bersara" dalam *Tokoh-tokoh Politik Malaysia*, Bil. 3., Julai 1981, G.P, Kuala Lumpur, hlm. 10. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 11.
- <sup>13</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, sempena Kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>14</sup> Hassan Mohd Noor, *Tun Hussein Onn Dalam Kenangan*, hlm.10. Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, 1994, hlm. 276-280. Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, hlm. 27.
- <sup>15</sup> Ibid., AHO/ H.7. Upacara mengangkat Sumpah Sebagai Menteri, 1970. AHO/ H. 14. Dato' Hussein Onn Dilantik Menjadi Perdana Menteri.
- <sup>16</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. AHO/ H. 14. Dato. Hussein Onn Dilantik Menjadi Perdana Menteri, 1976. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, pada 28 Februari, sempena hari kemerdekaan malaysia ke-43, pada jam 8.00 malam. *The New Straits Times*, 9 Ogos 1973.
- <sup>17</sup> *The New Straits Times*, 9 Ogos 1973.
- <sup>18</sup> Berita Harian, 6 September 1973. AHO/ H. 14. Dato' Hussein Onn Dilantik Menjadi Perdana Menteri. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 33. Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7 pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>19</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. *The New Straits Times*, 16 Januari 1976. Mustafa B. Ali Mohamed, *Tun Hussein Onn*, hlm. 15.
- <sup>20</sup> Inilah kali pertama jawatan Presiden UMNO dicabar. Tun Hussein berjaya meraih 898 undi berbanding Hj. Sulaiman palestin hanya 250 undi. Ibrahim Mahmud, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981. Berita Harian 16, September 1978.
- <sup>21</sup> AHO/ C. Biografi Tun Hussein Onn. AHO/ H.51. Ucapan Dato' Hussein Onn Presiden UMNO Malaysia di Perhimpunan Agung UMNO kali yang ke-32 pada 26 Jun 1981. Dimana di dalam ucapan ini beliau telah menyatakan niatnya untuk mengundurkan diri kerana masalah kesihatan setelah menjalani pembedahan *Coronary By Pass*, *The New Straits Times*, 17 Julai 1981. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 240-241.
- <sup>22</sup> Hambali Abdul Latif, *Perjuangan Politik Pemuda UMNO*, Sirawangi Sdn.Bhd., Kuala Lumpur, 1985, hlm. 30-32. Subki Latif, Chamil Wariya, *Dilemma Pemuda UMNO*. (Ed.2.), Media Intelek Sdn.Bhd., Kuala Lumpur, 1985, hlm.16. Aminuddin Mohd. Yusof, Mohd. Ali Kamaruddin, *Kepimpinan Pemuda UMNO Antara Personaliti dan Situasi*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1988, hlm. 22-23.
- <sup>23</sup> *Utusan Melayu*, 23 Julai 1978.

- <sup>24</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 57.
- <sup>25</sup> Ibid., hlm. 97.
- <sup>26</sup> Sebagaimana yang dipetik oleh Victor J. Morrais dalam *Hussein Onn dalam Arus Suratan*, hlm. 58.
- <sup>27</sup> Tun Hussein Onn telah mengambil risiko yang besar ketika mendakwa Datuk Harun Idris kerana kes rasuah dan penjarakan selama enam tahun. Sedangkan umum mengetahui Datuk Harun Idris merupakan Menteri Besar Selangor yang dianggap paling berwibawa dan mempunyai pengaruh dan pengikut yang besar dalam arena politik tanahair. Isu ini telah menjadi isu nasional dan memberi tamparan yang hebat dalam karier politik beliau. *Utusan Melayu*, 26 April 1978, 6 Jun dan 6 Julai 1979. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 90. Aziz Zariza Ahmad, *Hussein Onn Dengan Era Baru*, Firma Publishing, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 25-46.
- <sup>28</sup> Sebagaimana yang dipetik oleh Victor J. Morrais dalam *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 90.
- <sup>29</sup> *Utusan Melayu*, 3 Disember 1979.
- <sup>30</sup> *Utusan Melayu*, 11 Julai 1979. Khaw Guat Hoon, 'Dasar Malaysia Terhadap persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara' dalam *Masyarakat Malaysia*. Suntingan Zuraina Majid, hlm. 170.
- <sup>31</sup> *Utusan Melayu*, 12 dan 19 Ogos 1976, 11 November 1978. Lihat juga Suffian Mohd. Salleh, *Malaysia Kita*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 276-277. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 167.
- <sup>32</sup> AHO/U. 638. Ucapan di Upacara pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN di Bali "The Politics of Co-operation."
- <sup>33</sup> *Asia Year Book*, 1980, hlm.44-47.
- <sup>34</sup> *Utusan Melayu*, 16 November 1978.
- <sup>35</sup> J. Saravananuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy*, 1957-1977, hlm. 141. Lihat juga Khaw Guat Hoon, "Dasar Malaysia Terhadap persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara" dalam *Masyarakat Malaysia*, suntingan Zuraina Majid, hlm. 168.
- <sup>36</sup> Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, Sempena Kemerdekaan Malaysia ke- 43 pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>37</sup> *Utusan Melayu*, 11 November 1978.
- <sup>38</sup> Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn di pembukaan rasmi Persidangan Ketua-ketua kerajaan ASEAN pada 23 Februari 1976 di Bali dalam ASEAN 10 Years, hlm. 91-92. Lihat juga *Malaysia Kita Panduan dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am Kerajaan*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 276. Mohd. Azhari Karim, "Malaysia Foreign Policy", dalam Mohd. Azhari Karim(ed.), *Malaysia Foreign Policy: Issues and Perspective*, INTAN, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 12 dan 14.
- <sup>39</sup> Ucapan Tun Hussein Onn di mesyuarat UMNO di Kuala Lumpur pada tahun 1977.
- <sup>40</sup> Ibid.

- <sup>41</sup> Mappa Nasrun, *Peluang kerjasama Regional Negara-negara Pasifik Barat Daya*, Universiti Hasanuddin, Sulawesi Selatan, 1993, hlm.5.
- <sup>42</sup> *Utusan Melayu*, 26 Jun 1977.
- <sup>43</sup> *Malaysia Official Year Book*, 1978.
- <sup>44</sup> Ibid.
- <sup>45</sup> Suffian Mohd. Salleh, *Malaysia Kita*, hlm. 276.
- <sup>46</sup> J. Saravanamutthu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy*, 1957-1977, hlm. 147.
- <sup>47</sup> *Utusan Melayu*, 25 Oktober 1978. J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy*, 1957-1977, hlm. 147.
- <sup>48</sup> M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 198 dan 319. Antara isu-isu yang berkait dengan NIEO ialah pemindahan teknologi, peranan dan amalan perbadanan-perbadanan transnasional, pengurusan dan pembentukan yayasan undang-undang yang bertujuan merumuskan peraturan undang-undang dan infrastruktur yang sesuai bagi memantau tindakan negara-negara peserta, perbadanan-perbadanan internasional dan antarabangsa.
- <sup>49</sup> M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 199 dan 319. IPC telah menganjurkan satu pendekatan berbagai dimensi terhadap masalah-masalah komoditi melalui satu rangkaian peraturan-perturan individu bagi menstabil dan mengukuhkan pasaran-pasaran satru rangkaian komoditi. Kepentingan eksport komprehensif kepada Negara-negara Sedang membangun dalam satu konsep prinsip-prinsip, peraturan-perturan dan jadual rangka kerja bersama.
- <sup>50</sup> Ibid. *Utusan Melayu*, 15 Disember 1978.
- <sup>51</sup> *ASEAN Selayang Pandang*, Sekretariat Nasional ASEAN, hlm. 30.
- <sup>52</sup> *Utusan Melayu*, 26 Jun 1977.
- <sup>53</sup> *Utusan Melayu*, 16 Jun 1977. AHO/U.279. Ucapan Y.A.B. Dato' Hussein Onn mengenai Kedudukan dan Prospek Ekonomi Dunia di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di London pada 10 Jun 1977.
- <sup>54</sup> AHO/U.313. Ucapan Perdana menteri Dato' Hussein Onn di Sesi 32 Perhimpunan Agung PBB.
- <sup>55</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 208-211.
- <sup>56</sup> *Foreign Affairs Malaysia*(8), 1975, hlm.47.
- <sup>57</sup> *Utusan Melayu*, 20 September 1979.
- <sup>58</sup> *Utusan Melayu*, 5 Mac 1977, Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, Sempena Kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>59</sup> *Utusan Melayu*, 28 September 1977. Suffian Mohd. Salleh, *Malaysia Kita*, hlm. 277. Lihat J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy*, hlm. 141. M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 95.
- <sup>60</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, hlm. 75.

- <sup>61</sup> *New Straits Times*, 16 dan 19 November 1978. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 114-115. Lihat juga M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 112-121.
- <sup>62</sup> *Utusan Melayu*, 16 Februari 1978. Wan Mohd. Mahyiddin, Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembangunan Bangsa dan Negara*. Jilid II, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Selangor, 1997, hlm. 258-274.
- <sup>63</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, Mac 1979, hlm. 14.
- <sup>64</sup> *Utusan Melayu*, 19 Jun 1979. M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 167.
- <sup>65</sup> Ibid.
- <sup>66</sup> Rancangan Mutiara Gemilang, Sempena Hari Kemerdekaan ke-43 di NTV 7 pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>67</sup> Rancangan Mutiara Gemilang, Sempena Kemerdekaan ke-43 di NTV 7 pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam. *New Sunday Times*, 8 Februari 1976. *New Straits Times* Mac dan 8 April 1976.
- <sup>68</sup> *Far Eastern Economic Review*, 14 Mei, 21 Mei 1976, 18 Jun 1976 dan 27 Ogos 1976.
- <sup>69</sup> *Utusan Melayu*, 6 Februari 1977 dan 25 Februari 1978. R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, Abdul Rauf Mohd. Napis dan Ramlah Muhammad(terj.), *Politik dan Kerajaan Malaysia*, hlm. 404.
- <sup>70</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 192-193.
- <sup>71</sup> *Utusan Melayu*, 16 November 1978.
- <sup>72</sup> Ibid., 12 Jun 1979.
- <sup>73</sup> AHO/ H. 28. Lawatan Rasmi Naib Perdana Menteri Republik Rakyat China, 1978.
- <sup>74</sup> Ibid., 17. Mac. 1979, dan 23 April 1979
- <sup>75</sup> *Utusan Melayu*, 10 Mei 1979. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, 101-102.
- <sup>76</sup> Rancangan Mutiara Gemilang di NTV 7, Sempenan Kemerdekaan Malaysia ke-43, pada 28 Ogos 2000, jam 8.00 malam.
- <sup>77</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, Oxford University Press Press Pte. Ltd., Singapura, 1991, hlm. 76-78.
- <sup>78</sup> *Utusan Melayu*, 21 September 1979, 8 Oktober 1979, 24 November 1979 dan 18 Disember 1979. Kenyataan Tun Hussein Onn yang terkandung di dalam ucapannya ketika mengadakan majlis di Kuala Lumpur pada tahun 1979.
- <sup>79</sup> *Utusan Melayu*, 24 Januari 1979, 11 November 1978. Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 167.
- <sup>80</sup> *Utusan Melayu*, 19, 20 dan 21 September 1979.
- <sup>81</sup> Sekretariat Nasional ASEAN, *ASEAN Selayang Pandang*, Departemen Luar Negeri Republik Indonesia, 1990, hlm. 16. *New Straits Times*, 25 Februari 1976.
- <sup>82</sup> Mappa Nasrun, *Peluang Kerjasama Regional Negara-negara Pasifik Barat Daya*, Universiti Hasanuddin, Sulawesi Selatan, 1993, hlm. 5.

- <sup>83</sup> Mappa Nasrun, *Masalah dan Prospek Hubungan Indonesia Dengan Negara-negara Pasifik Selatan*, Tesis PHD, Hasanuddin University Press, Sulawesi Selatan, 1990, hlm. 393.
- <sup>84</sup> Mappa Nasrun, *Peluang Kerjasama Regional Pasifik Barat Daya*, hlm. 6-7.
- <sup>85</sup> J. Saravanamuttu, *The Dilemma of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, hlm. 141. Lihat juga Khaw Guat Hoon, "Dasar Malaysia Terhadap Persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara" dalam *Masyarakat Malaysia*, disunting oleh Zuraina Majid, hlm. 168.
- <sup>86</sup> Utusan Melayu, 11 Julai 1979. Ibid., Khaw Guat Hoon, "Dasar Malaysia Terhadap Persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara" dalam *Masyarakat Malaysia*, suntingan Zuraina Majid, hlm. 170.
- <sup>87</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm.120. M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm.296, 61-62. Asia Year Book 1980, hlm.44 dan 47.
- <sup>88</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Persuratan*, hlm. 120.
- <sup>89</sup> Pada Mac 1978 Vietnam telah melakukan reformasi di dalam dasar ekonominya dengan pengambilan perniagaan-perniagaan swasta, hal ini telah memberi dampak terhadap kebanjiran orang-orang pelarian Hoa dari Vietnam ke Utara China dan Selatan ke negara-negara ASEAN. China telah menuduh Vietnam menyisihkan keturunan, menyeksa dan menghalau orang-orang Hoa. Sedangkan dipihak Hanoi pula menuduh isu Hoa hanyalah merupakan alasan untuk China mengurangkan bantuan ekonominya kepada Vietnam yang merupakan diantara jaminan yang diberikan oleh kerajaan Peking pada tahun 1973. China juga mendakwa penempatan semula 160,000 rakyat keturunan Cina yang telah dihalau keluar menjelang akhir bulan Mei 1978 telah memberi implikasi yang serius terhadap kedudukan kewangan China. Oleh itu China telah membuat keputusan untuk membatalkan sebahagian dari bantuan projek gudang yang telah siap kepada Vietnam supaya dana tersebut dapat digunakan bagi menata kembali kehidupan orang-orang China yang telah kembali dan pembatalan sebahagian dari projek China ini kepada Vietnam adalah merupakan arus-balik dasar Vietnam yang menyisihkan keturunan nasional Cina. Peking Review, Jil.21, No. 24, 16 Jun 1978, hlm. 15. Nota Kerajaan Republik sosialis Vietnam kepada Kerajaan Republik Rakyat China pada Mei 1978 dalam Chinese Aggression Against Vietnam, The Root of The Problem, Foreign Languages Publishing House, Hanoi, 1979, hlm. 36. Sebagaimana yang dipetik oleh M. Rajendran dalam *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 296. Manakala perspektif yang berbeza antara Vietnam dan China di dalam menanggapi isu Kampuchea juga menambahkan lagi ketegangan relasi antara kedua negara yang akan penulis kupas di bawah sub topik konflik antara Vietnam dan kampuchea yang secara tidak langsung memberi implikasi terhadap hubungan Vietnam dan China yang telah sedia keruh.
- <sup>90</sup> M. Rajendran, *Hubungan Luar ASEAN Peralihan Menuju Tindakan Bersama*, hlm. 61-62.

- <sup>91</sup> Ibid., hlm. 62.
- <sup>92</sup> *Asia Year Book 1980*, hlm. 44 dan 47.
- <sup>93</sup> *Utusan Melayu*, 3 Mac dan 22 September 1979.
- <sup>94</sup> Victor J. Morrais, *Hussein Onn Dalam Arus Suratan*, hlm. 120.
- <sup>95</sup> Marvin Ott dalam "Foreign Policy Formulation in Malaysia", *Asian Survey*, Singapore, 1972, hlm. 231-234.